A **CHEONG KAM KUEN**

lwn.

PP

B MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
SULAIMAN DAUD HMR
SYED AHMAD HELMY HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05-142-2009]
C 28 JUN 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Bunuh - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Pembelaan - Sama ada pembelaan di bawah s. 85(2)(b) Kanun Keseksaan terpakai - Sama*
D *ada syarat-syarat dipenuhi - Keadaan minda perayu - Sama ada perayu waras fikirannya pada masa yang material - Sama ada pembelaan mabuk dan gila tidak disokong oleh keterangan - Sama ada yang arif hakim telah membuat kesilapan atau salah arah dari segi fakta dan undang-undang - Sama ada wujudnya keraguan munasabah*
E *mengenai kebersalahan perayu*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Bunuh - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Keterangan mengikut keadaan - Sama ada membuktikan perayu menyebabkan kecederaan ke*
F *atas si mati - Sama ada yang arif hakim telah membuat kesilapan atau salah arah dari segi fakta dan undang-undang - Sama ada wujudnya keraguan munasabah mengenai kebersalahan perayu*

Perayu telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi bagi kesalahan membunuh seorang perempuan ('si mati') di bilik 3022, Hotel
G Fujisan ('hotel tersebut') di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Di penutup perbicaraan, yang arif hakim telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan tanpa keraguan munasabah pertuduhan terhadap perayu dan dengan itu perayu didapati bersalah dan disabitkan. Seterusnya, yang arif hakim bicara
H telah menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu. Perayu membuat rayuan bahawa yang arif hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengarahkan diri kepada keterangan keadaan di dalam kes ini bahawa pembelaan di bawah s. 85(2)(b) KK terpakai untuk perayu. Menurut peguam,
I keterangan-keterangan di dalam kes ini jelas menunjukkan satu keadaan di bawah seksyen tersebut telah wujud atau sekurang-kurangnya telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes

pendakwaan. Oleh yang demikian, perayu memohon agar mahkamah ini mengetepikan sabitan dan hukuman gantung sampai mati yang telah dijatuhkan ke atas perayu.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap perayu)
Oleh Azahar Mohamed HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Kesimpulan yang tidak dapat dibendung adalah sungguhpun tidak ada keterangan secara terus (direct evidence) namun keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan membuktikan tanpa apa-apa keraguan bahawa perayu adalah orang yang telah menyebabkan semua kecederaan ke atas simati sehingga simati meninggal dunia. Antara keterangan-keterangan mengikut keadaan tersebut adalah (i) perayu dan simati telah menginap di hotel tersebut untuk beberapa bulan (ii) hubungan mereka adalah sebagai sepasang kekasih dan akses bilik tersebut hanyalah untuk mereka berdua; (iii) apabila seorang pekerja hotel tersebut, SP2, telah mengetuk pintu bilik hotel kerana melihat terdapat air berwarna merah di luar bilik 3022, perayu telah memberi respons "Jangan ganggu" dalam nada marah dan telah mengugut untuk memukul dan membunuh seseorang; (iv) apabila pintu dipecah, Sarjan Jagir Singh Dara Singh (SP5) dengan jelas dapat melihat perayu memegang pemain VCD di tangan kanannya manakala sebelah lagi tangan memegang rambut simati dan (v) simati ketika itu dalam keadaan berbogel dan kecederaan yang teruk manakala perayu tidak mengalami sebarang kecederaan. (perenggan 20)

(2) Syarat-syarat yang mesti dipenuhi untuk membolehkan perayu membela diri dengan menggunakan s. 85(2)(b) KK adalah (i) perayu mabuk pada masa melakukan perbuatan jenayah itu (ii) keadaan mabuk perayu itu menyebabkan perayu tidak tahu bahawa perbuatannya itu salah atau pun dia tidak tahu apa yang dia sedang lakukan; (iii) perayu telah menjadi gila (secara sementara atau kekal) pada masa dia melakukan perbuatan jenayah yang berkenaan. Dalam kes ini, jikapun perayu berkeadaan mabuk pada waktu material, keadaan mabuknya itu tidaklah sampai menyebabkan perayu tidak tahu apa yang dibuatnya. Perkara penting yang perlu ditekankan adalah perayu sendiri dalam keterangannya tidak menyatakan bahawa

A dia pada masa yang material tidak tahu sepenuhnya apa yang dibuatnya. Sebaliknya, di peringkat pemeriksaan utama, sewaktu disoal oleh peguamnya, perayu menyatakan "saya tidak ada niat untuk bunuh mangsa". Ini memberi gambaran bahawa perayu sedar akan perbuatannya tetapi perbuatannya itu bukan
B dengan niat untuk membunuh. (perenggan 24 & 29)

(3) Perayu telah menolak katil dan perabot ke pintu untuk mengelak dari pintu dapat dibuka dari luar dan semasa memberi keterangan secara bersumpah telah menyatakan tentang punca
C berlakunya pergaduhan di antara beliau dengan simati. Keadaan minda perayu menunjukkan bahawa perayu sedar apa yang dia lakukan ke atas simati. Walaupun jika benar perayu telah minum arak dan menghisap dadah syabu sebelum melakukan jenayah ke atas simati, adalah tidak mungkin perayu
D dalam keadaan mabuk sehingga tahap niatnya untuk melakukan jenayah tersebut menyusut. Perayu merupakan orang yang waras fikirannya pada masa yang material. Dari keterangan SP10, adalah jelas membuktikan bahawa kecederaan yang ditemui pada simati adalah diakibatkan dengan sengaja dan
E mencukupi dalam keadaan yang biasa mengakibatkan kematian mangsa. Kecederaan pada simati dilakukan secara berulangan dan bertubi-tubi yang kebanyakkannya dari benda tumpul atau kaki atau tangan. Keadaan mental yang waras tidak mungkin hilang apabila perayu menyebabkan kecederaan dengan
F sedemikian rupa ke atas simati sehingga simati meninggal dunia. (perenggan 30, 31, 34 & 35)

(4) Perayu telah gagal dalam pembelaannya di bawah s. 85 KK. Keputusan yang arif hakim bahawa pembelaan mabuk dan gila
G di bawah s. 85(2) KK tidak disokong oleh keterangan dalam kes ini adalah betul. Aduan peguam bahawa yang arif hakim bicara gagal mengarahkan diri kepada keterangan bahawa pembelaan di bawah s. 85(2) KK terpakai untuk perayu tidak mempunyai merit. Yang arif hakim telah mengarahkan dirinya
H dengan betul mengenai pemakaian s. 85(2) KK. (perenggan 33)

(5) Yang arif hakim bicara telah mempertimbangkan segala pembelaan perayu dengan secukupnya. Pihak perayu tidak dapat menunjukkan yang arif hakim bicara telah melakukan
I kesilapan atau salah arah dari segi fakta atau dalam undang-undang. Keputusan yang dibuat oleh yang arif hakim bicara adalah betul dan sabitan dan hukuman mati terhadap perayu

adalah selamat. Sebarang keputusan lain adalah bertentangan dengan perimbangan keterangan. Tiada keraguan munasabah wujud mengenai kebersalahan perayu di dalam kes ini. Pihak pendakwaan berjaya membuktikan melampaui batasan keraguan yang munasabah di atas pertuduhan terhadap perayu. (perenggan 38 & 39)

English *Translation Of Headnotes*

The appellant was tried in the High Court for the charge of murdering a woman ('deceased') in room 3022, Hotel Fujisan ('the said hotel') under s. 302 Penal Code ('PC'). At the end of the trial, the learned judge found that the prosecution had proved beyond reasonable doubt the charge against the appellant and the appellant was thus convicted and sentenced. The learned trial judge then handed down a mandatory death sentence on the appellant. The appellant appealed that the learned trial judge had erred in law and in fact when he failed to direct himself to the circumstantial evidence in this case that the defence under s. 85(2)(b) PC was applicable to the appellant. According to counsel, evidence in this case clearly showed a situation under the said section had existed or at the very least had raised reasonable doubt on the prosecution's case. Hence, the appellant applied for this court to set aside the conviction and death sentence imposed on the appellant.

Held (dismissing the appeal; affirming conviction and death sentence on appellant)
Per Azahar Mohamed JCA delivering the judgment of the court:

(1) Although there was no direct evidence (keterangan secara terus), the circumstantial evidence produced by the prosecution led to the irresistible conclusion that without any doubt the appellant had caused the injuries upon the deceased until it had led to her death. The circumstantial evidence were (i) the appellant and the deceased had stayed at the said hotel for several months; (ii) they were lovers and they were the only ones who had access to the room; (iii) when a hotel staff, SP2, had knocked on the hotel room door because he had seen red coloured liquid just outside room 3022, the appellant had shouted out angrily "Don't disturb" and had threatened to hit and kill someone; (iv) when the door was broken down,

A Sergeant Jagir Singh Dara Singh (SP5) had clearly seen the appellant holding a VCD player in his right hand while his left hand was holding the deceased's hair and (v) the deceased at the time was naked and the injuries on her were so severe where else the appellant did not seem to suffer from any
B injury.

(2) The conditions that must be fulfilled in order for the appellant to use s. 85(2)(b) PC to defend himself are (i) the appellant was intoxicated at the time of the offence; (ii) the appellant's
C state of intoxication had caused him to not know that such act was wrong or that he was not aware of what he was doing; (iii) the appellant had become insane (whether temporarily or permanently) at the time he committed the offence. In this case, even though the appellant appeared to
D be intoxicated at the material time, the state of intoxication did not cause him to not know what he was doing. It was important to stress herein that the appellant himself in his evidence did not state that he at the material time did not fully know what he was doing. On the other hand, at the
E main examination level, while being questioned by his counsel, the appellant had stated "I had no intention to kill the victim". This gave the impression that the appellant was aware of what he was doing but his actions were not with the intention to kill.

F **(3)** The appellant had pushed a bed and some furniture to block the door from being opened from the outside and when he was giving evidence under oath he had stated what had caused him and the deceased to fight. The appellant's state
G of mind showed that the appellant was aware of what he had done to the deceased. Even if the appellant had been drinking alcohol and had taken the drug syabu before committing the offence on the deceased, it was unlikely that the appellant had been so intoxicated that the intention level to commit an
H offence had decreased. The appellant's mind appeared to be rational at the material time. The evidence of SP10 clearly proved that the injuries found on the deceased was caused deliberately and sufficiently and under normal circumstances had led to the victim's death. The injuries inflicted on the
I deceased had been caused repeatedly and rapidly by a blunt object or hands or legs. The appellant could not have lost his

reasonable state of mind when he had caused the injuries in such manner on the deceased until it had led to the death of the deceased.

(4) The appellant had failed in his defence under s. 85 PC. The learned judge's decision that the defence of intoxication and insanity under s. 85(2) PC was not supported by evidence in this case was correct. The counsel's submission that the trial judge had failed to direct himself to the evidence that the defence under s. 85(2) PC was applicable to the appellant had no merit. The learned judge had directed himself correctly regarding the applicability of s. 85(2) PC.

(5) The trial judge had considered the defence of the appellant adequately. The appellant had failed to show that the trial judge had erred or misdirected himself from the facts and the law. The decision made by the learned trial judge was correct and the conviction as well as the death sentence on the appellant was appropriate. Any other decision would have been contrary to the balance of evidence. No reasonable doubt existed regarding the appellant's culpability in this case. The prosecution had succeeded in proving the charge against the appellant beyond reasonable doubt.

Kes-kes yang dirujuk:
Emperor v. U Damapala 38 (CRLJ) 1937 ***(dirujuk)***
Idris v. PP [1960] 1 LNS 40 HC ***(dirujuk)***
John Nyumbei v. PP [2007] 2 CLJ 509 CA ***(dirujuk)***
Juraimi Husin v. PP [1998] 2 CLJ 383 CA ***(dirujuk)***
Jusoh v. PP [1963] 1 LNS 50 HC ***(dirujuk)***
Md Masud Rana Md Mofizudin lwn. PP [2010] 1 LNS 552 CA ***(dirujuk)***
PP v. Alang Mat Nasir Anjang Talib & Another Case [1938] 1 LNS 1 HC ***(dirujuk)***
Rajagopal v. PP [1976] 1 LNS 122 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 85(2)(b), 86, 99, 300, 302

Bagi pihak perayu - Martin Tay; T/n Martin Tay & Co
Bagi pihak responden - Mohamad Abazafree Mohd Abbas TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed HMR:

[1] Cheong Kam Kuen (perayu) telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi kesalahan membunuh seorang perempuan bernama Liew Pai Sea (si mati) di bawah s. 302 Kanun Keseksaan (KK).

B

[2] Pada asalnya, pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

C

> Bahawa kamu, pada 23.02.2005 jam lebih kurang 7.00 pagi di bilik No 3022, Hotel Fujisan, No 45, Jalan Barat, Off Jalan Imbi, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan niat telah melakukan bunuh sehingga menyebabkan kematian seorang perempuan Cina nama Liew Pai Sea, KPT: 821011-08-5934, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

D

[3] Yang arif hakim bicara telah mendapati bahawa pihak pendakwaan di peringkat penutupan kes pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap perayu bagi pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah seperti berikut:

E

> Bahawa kamu, di antara 22.02.2005 jam 11.00 malam hingga 23.02.2005 jam 7.00 pagi di bilik No 3022, Hotel Fujisan, No 45, Jalan Barat, Off Jalan Imbi, di dalam Daerah Dang Wangi di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan niat telah melakukan bunuh sehingga menyebabkan kematian seorang perempuan Cina nama Liew Pai Sea, KPT: 821011-08-5934, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

F

G

[4] Dapat diperhatikan bahawa pindaan tersebut melibatkan jangka masa kejadian pembunuhan tersebut berlaku. Yang arif hakim bicara telah meminda pertuduhan tersebut berpandukan kepada keterangan Dr Siew Shue Fang, ahli pathologi (SP10) yang telah menjalankan post mortem ke atas jasad si mati. Dalam keterangan beliau, SP10 menjangkakan kematian si mati adalah dalam tempoh 6 1/2 jam ke-12 jam sebelum 11.40, 23 Februari 2005 iaitu waktu post mortem dilakukan.

H

I

[5] Di penutup perbicaraan, setelah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan termasuk pembelaan perayu, yang arif hakim bicara telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah

membuktikan tanpa keraguan munasabah pertuduhan pindaan terhadap perayu dan dengan itu perayu didapati bersalah dan disabitkan. Seterusnya yang arif hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori mengikut undang-undang ke atas perayu.

[6] Perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

Fakta Kes

[7] Fakta-fakta kes yang disandarkan oleh pihak pendakwaan yang diterima oleh yang arif hakim bicara boleh diringkaskan seperti berikut. Kes bunuh ini berlaku di bilik no. 3022, Hotel Fujisan, Kuala Lumpur. Menurut seorang pekerja hotel tersebut, En Wong Ken Siew (SP2) bilik no. 3022 telah dihuni oleh seorang yang bernama "Mr Cheong" (yang mana kemudian telah dikenal pasti sebagai perayu) bersama teman wanitanya iaitu si mati sejak enam bulan sebelum kejadian. Buku pendaftaran hotel (P41A) menunjukkan bahawa bilik tersebut telah didaftarkan atas nama perayu sejak dari 12 September 2004. Menurut SP2, pada 23 Februari 2005 jam lebih kurang 6.55 pagi, semasa hendak memulakan kerjanya pada hari tersebut bagi menggantikan rakannya yang dipanggil sebagai Mr Tan, SP2 telah diberitahu oleh Mr Tan bahawa terdapat air berwarna merah di luar bilik no. 3022.

[8] SP2 bersama Mr Tan telah pergi ke bilik no. 3022 dan mendapati bahawa terdapat tompokan air berwarna merah di luar bilik tersebut. Melihat tompokan itu, SP2 mengetuk pintu bilik dan meminta penghuni bilik membuka pintu namun beliau enggan. SP2 bertanyakan kepada penghuni bilik mengenai tompokan air berwarna merah tersebut. Seorang lelaki di dalam bilik tersebut yang bercakap dalam Bahasa Mandarin dan dengan nada yang marah menyuruh SP2 "diam dan jangan mengganggunya".

[9] SP2 dan Mr Tan kemudiannya turun semula ke kaunter pendaftaran hotel dan memaklumkan perkara tersebut kepada pengurusnya, En Chan Fook Ling (SP3) melalui telefon. SP3 tiba lebih kurang 10 minit kemudian. Sebaik tiba dan diberitahu apa yang berlaku, SP3 telah terus pergi ke bilik tersebut dan mengetuk pintu bilik serta meminta penghuni bilik membuka pintu. Seorang lelaki di dalam bilik tersebut bercakap dalam Bahasa Kantonis dengan nada yang kuat dan agresif memberitahu SP3 bahawa "jika

saya (SP3) membuka pintu seseorang akan memukul saya" dan "lebih baik kamu (SP3) panggil polis". Mendengar kata-kata lelaki itu, SP3 terus meninggalkan bilik tersebut dan membuat panggilan telefon kepada pihak polis.

[10] Lebih kurang 5-10 minit kemudian, sebuah kereta peronda polis dengan dua orang anggota tiba di hotel tersebut. Tidak berapa lama kemudian, lebih ramai anggota polis tiba kemudiannya termasuklah Sarjan Jagir Singh a/l Dara Singh (SP5) dan Sarjan Mazlan bin Othman (SP11). SP5 dan SP11 telah meminta supaya lelaki tersebut membuka pintu bilik namun enggan dibuka. Lelaki tersebut kemudian telah mengeluarkan antara lain kata-kata berikut: "kalau you masuk saya akan bunuh ini orang" dan "lu balik, jangan kacau saya".

[11] Apabila Inspektor Ridzuan bin Khalid (SP4) tiba di bilik yang berkenaan, beliau telah mengarahkan SP5 dan SP11 untuk memecahkan pintu bilik tersebut. Sebahagian dari pintu tersebut dapat dipecahkan namun pintu itu masih tidak dapat dibuka sepenuhnya akibat dihalang oleh katil dan rak TV. Melalui lubang akibat pecahan yang dibuat pada pintu tersebut, anggota polis dapat melihat keadaan bilik yang berselerak dan seorang lelaki (yang kemudiannya dicamkan sebagai perayu) dalam keadaan berbogel sambil memegang sebuah pemain VCD di tangan kirinya dan tangan kanannya memegang rambut seorang wanita yang juga dalam keadan berbogel dengan kedua tangan dan kakinya terikat (yang kemudiannya dikenali sebagai si mati).

[12] Cubaan terus dibuat untuk perayu yang berada dalam keadaan yang agresif untuk membuka pintu namun tidak berjaya. Cubaan oleh seorang anggota polis untuk membuka pintu bilik dengan menggunakan alat pemadam api menyebabkan keadaan menjadi kelam-kabut apabila alat tersebut pecah dan mengeluarkan serbuk putih yang mengenai mata beberapa anggota polis yang berada di situ. Pintu bilik akhirnya berjaya dibuka oleh SP11 yang telah berjaya menolak objek yang menghalang pintu tersebut dan anggota polis menyerbu masuk ke dalam bilik itu. Selepas pintu berjaya dibuka, perayu dilihat memasuki bilik air dalam bilik tersebut sambil mengheret si mati. Apabila anggota polis menyerbu masuk ke dalam bilik air, perayu dilihat berdiri di atas mangkuk tandas sambil memegang satu botol kaca yang telah pecah dan menjerit "saya bunuh dia orang, saya bunuh dia orang" dan si mati terbaring di atas lantai bilik air dalam keadaan kedua tangan dan

kakinya terikat dan dengan kecederaan yang teruk di bahagian kepala dan luka-luka di badan, dipercayai telah mati. Anggota polis seterusnya berjaya menangkap perayu.

[13] SP10 telah ke tempat kejadian pada 23 Februari 2005 sampai jam 11.05 pagi dan mendapati mayat si mati masih berada di dalam keadaan asal. SP10 telah memeriksa jasad si mati dan mendapati mayat telah sebahagian dalam keadaan "rigor mortis". SP10 mendapati si mati mengalami kecederaan hampir di semua badan dan kecederaan yang serius adalah di bahagian muka dan kepala. SP10 telah mengesahkan kematian si mati adalah disebabkan oleh "severe head injury due to trauma impact".

Pembelaan Perayu Di Mahkamah Tinggi

[14] Perayu dalam pembelaannya yang diberi secara bersumpah telah menyatakan yang dia telah mengenali si mati selama lima tahun. Si mati adalah teman wanitanya dan mereka tinggal bersama. Hubungan mereka adalah baik tetapi kadang-kala ada berlaku pergaduhan kerana si mati mengesyaki perayu mempunyai teman wanita lain. Perayu menyatakan kadang-kala ada insiden pukul memukul di antara mereka. Menurut perayu, pergaduhan selalunya dimulakan oleh si mati dan dia lebih banyak mendiamkan diri.

[15] Berikut adalah keterangan perayu seterusnya di peringkat pemeriksaan-utama:

> Hari kejadian 22.2.2005, jam lebih kurang 11.00 pagi si mangsa keluar untuk beli makanan untuk kami. Lepas makan kita mandi selepas itu tonton VCD bersama-sama.
>
> Selepas itu kami minum minuman keras dan hisap syabu hingga malam.
>
> Tiba-tiba kami bergaduh, si mangsa campak gelas pada saya dan saya campak gelas pada mangsa dan kita bergaduh.
>
> Kami ada campak barang kepada masing-masing. Yang mulakan pergaduhan tersebut adalah si mangsa.
>
> Topik pergaduhan macam mana bermula, si mangsa kata dia ada berkongsi dengan bekas teman wanita saya untuk membeli 4 nombor ekor dan mereka ada kena nombor 4 ekor dan mangsa bagi tahu saya yang dia akan serah resit nombor 4 ekor kepada teman lelaki beliau dan telah menolak bekas teman wanita saya

dari sebuah bukit dan beliau kata telah minta tandatangan saya untuk cagar rumah saya kepada Ah Long dan telah pindah milik kepada teman lelaki dia. Saya tidak percaya sebab saya telah jual rumah tersebut.

Saya marah dia dan saya terus minum dan hisap dadah syabu. Saya tidak peduli si mangsa pada masa itu.

Tiba-tiba saya dengar orang ketuk pintu dan suruh saya buka pintu.

Semasa kami bergaduh, mangsa ada baling gelas.

Saya ada ikat si mangsa sebab saya takut dia akan campak barang lain kepada saya.

[16] Sewaktu disoal balas oleh timbalan pendakwaraya, perayu antara lain menyatakan bahawa pada sepanjang masa yang berkenaan dia berada dalam bilik tersebut bersama dengan si mati sehingga ditangkap oleh pihak polis. Apabila pihak polis tiba, dia menjadi takut kerana mengetahui dia telah melakukan kesalahan memukul si mati sehingga berdarah. Menurut perayu, dia telah mengunci dan menghalang pintu bilik untuk mengelakkan daripada ditangkap. Selepas kehadiran polis, tertuduh mengaku ada memegang mangsa dan pemain VCD tetapi menafikan ada memukul si mati dengan pemain VCD tersebut. Perayu juga mengaku bahawa apabila pihak polis memintanya untuk membuka pintu dia ada membuat ugutan bahawa jika pintu dibuka dia akan membunuh si mati. Akhirnya, menurut perayu, apabila pihak polis tiba, dia tidak tahu bahawa si mati telah meninggal dunia dan menyatakan bahawa dia memang marah kepada si mati tetapi tidak ada niat untuk membunuhnya.

Keputusan Mahkamah Tinggi

[17] Yang arif hakim bicara dalam alasan penghakimannya telah membuat penilaian kepada pembelaan-pembelaan perayu seperti berikut:

(a) Pergaduhan yang tiba-tiba (sudden fight), pengecualian 4 s. 300 KK.

(b) Mempertahankan diri (self defence), pengecualian 2 s. 300 dan s. 99 KK.

(c) Bangkitan marah yang besar dan mengejut (grave and sudden provocation), pengecualian 1 s. 300 KK; dan

(d) Hilang akal akibat pengaruh dadah dan arak (intoxication) di bawah s. 85 dan 86 KK.

[18] Setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati kemungkinan-kemungkinan pembelaan yang sedemikian, yang arif hakim bicara telah menolak kesemua pembelaan tersebut. Yang arif hakim bicara telah berkata:

> Atas keterangan yang begitu melimpah ruah oleh pendakwaan dan sebaliknya pembelaan yang hanya semata-mata cuba membangkitkan pengecualian membunuh tanpa sebarang asas oleh tertuduh, mahkamah mendapati tanpa sebarang keraguan yang munasabah tertuduh telah membunuh si mati dengan mendatangkan cedera ke atas si mati dengan niat secara inferennya untuk membunuhnya.

Rayuan Perayu

[19] Di hadapan kami, peguam perayu mengambil pendirian untuk hanya mengemukakan satu isu sahaja. Peguam telah berhujah bahawa yang arif hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengarahkan diri kepada keterangan keadaan di dalam kes ini bahawa pembelaan di bawah s. 85(2)(b) KK terpakai untuk perayu. Menurut peguam keterangan-keterangan di dalam kes ini, termasuk keterangan pihak pendakwaan sendiri, jelas menunjukkan satu keadaan di bawah seksyen tersebut telah wujud atau sekurang-kurangnya telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Peguam telah membawa kepada perhatian kami kes *Emperor v. U Damapala* 38 (CRLJ) 1937. Peguam menambah bahawa manfaat keraguan patut diberikan kepada perayu. Peguam selanjutnya berhujah bahawa akibat daripada kekhilafan yang telah dinyatakan yang arif hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap perayu. Oleh yang demikian, perayu memohon agar mahkamah ini mengetepikan sabitan dan hukuman gantung sampai mati yang telah dijatuhkan ke atas perayu.

Keputusan Mahkamah

[20] Sebagai permulaan, kami ingin menyatakan di sini bahawa memang benar dalam kes ini tidak terdapat saksi yang melihat bagaimana si mati mengalami kecederaan pada tubuh badannya

A sehingga menyebabkan si mati kemudian meninggal dunia. Walau bagaimanapun, keadaan kes ini sebelum dan selepas kejadian yang tidak dapat dipertikaikan jelas menunjukkan bahawa perayu terlibat secara langsung menyebabkan kematian si mati. Kesimpulan yang tidak dapat dibendung adalah sungguhpun tidak ada keterangan
B secara terus (direct evidence) namun keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan membuktikan tanpa apa-apa keraguan bahawa perayu adalah orang yang telah menyebabkan semua kecederaan ke atas si mati sehingga si mati meninggal dunia (sila rujuk: *Idris v. PP* [1960] 1 LNS 40). Antara keterangan-
C keterangan mengikut keadaan tersebut yang semestinya dilihat secara keseluruhan adalah seperti berikut:

(a) Perayu dan si mati menginap di hotel tersebut semenjak September 2004;

D

(b) Hubungan mereka adalah sebagai sepasang kekasih;

(c) Jika si mati keluar bekerja, perayu akan tinggal di dalam hotel tersebut;

E (d) Tiada keterangan untuk menunjukkan mereka pernah dilawati oleh sesiapa;

(e) Akses bilik tersebut hanyalah oleh mereka berdua;

(f) Apabila SP2 mengetuk pintu perayu telah memberi respons
F "Jangan ganggu";

(g) Apabila SP3 cuba membuka pintu, perayu juga mengugut untuk memukul;

G (h) Menurut SP3, perayu bernada marah;

(i) Apabila SP5 menyuruh membuka pintu, perayu mengugut untuk membunuh seseorang;

(j) Apabila pintu dipecah, SP5 dengan jelas dapat melihat perayu
H memegang pemain VCD (P15) di tangan kanannya manakala sebelah lagi tangan memegang rambut si mati;

(k) Si mati ketika itu dalam keadaan berbogel dan kecederaan yang teruk manakala perayu tidak mengalami sebarang kecederaan.

I **[21]** Kini kami beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh peguam perayu. Mengenai keadaan bilamana mabuk menjadi suatu pembelaan, s. 85 KK memperuntukkan seperti berikut:

(1) Save as provided in this section and in s. 86, intoxication shall not constitute a defence to any criminal charge.

(2) Intoxication shall be a defence to any criminal charge if by reason thereof the person charged at the time of the act or omission complained of did not know that such act or omission was wrong or did not know what he was doing and:

(a) the state of intoxication was caused without his consent by the malicious or negligent act of another person; or

(b) the person charged was by reason of intoxication insane, temporarily or otherwise, at the time of such act or omission.

[22] Di sini kami perturunkan juga peruntukan yang berkaitan iaitu s. 86 KK seperti berikut:

(a) Where the defence under sub-s. 85(2) is established, then in a case falling under para. (a) thereof the accused person shall be acquitted, and in a case falling under para. (b), the provisions of s. 84 of this Code, ss. 347 and 348 of the Criminal Procedure Code shall apply.

(b) Intoxication shall be taken into account for the purpose of determining whether the person charged had formed any intention, specific or otherwise, in the absence of which he would not be guilty of the offence.

(c) For the purpose of this and the preceding section "intoxication" shall be deemed to include a state produced by narcotics or drugs.

[23] Dalam penghakiman kami, keadaan mabuk sahaja dengan sendirinya tidaklah boleh menjadi suatu pembelaan bagi perayu dalam kes ini. Setakat ianya berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh peguam perayu mengenai pemakaian s. 85(2)(b) KK, mabuk boleh menjadi suatu pembelaan bagi perayu, jika oleh sebab mabuk, perayu pada waktu perbuatan itu dilakukan, tidak tahu bahawa perbuatan itu salah atau pun tidak tahu apa yang dia lakukan dan perayu, oleh sebab mabuk, menjadi gila, sama ada bagi sementara atau kekal pada waktu perbuatan itu. "Mabuk" yang dimaksudkan bukan sahaja merujuk kepada keadaan mabuk kerana minuman keras tetapi juga mabuk kerana dadah.

[24] Pada hemat kami syarat-syarat mesti yang dipenuhi untuk membolehkan perayu membela diri dengan menggunakan peruntukan s. 85(2)(b) KK adalah seperti berikut:

(1) Perayu mabuk pada masa melakukan perbuatan jenayah itu;

(2) Keadaan mabuk perayu itu menyebabkan perayu tidak tahu bahawa perbuatannya itu salah atau pun dia tidak tahu apa yang dia sedang lakukan; dan

(3) Perayu telah menjadi gila (secara sementara atau kekal) pada masa dia melakukan perbuatan jenayah yang berkenaan.

[25] Perayu mempunyai beban membuktikan pembelaan di bawah peruntukan s. 85(2)(b) KK (sila lihat: *PP v. Alang Mat Nasir Anjang Talib & Another Case* [1938] 1 LNS 1, *Jusoh v. PP* [1963] 1 LNS 50, *Juraimi Husin v. PP* [1998] 2 CLJ 383. Standard pembuktian adalah berdasarkan imbangan kebarangkalian (sila rujuk: *Md Masud Rana Md Mofizudin lwn. PP* [2010] 1 LNS 552 dan *Rajagopal v. PP* [1976] 1 LNS 122).

[26] Dalam hubungan ini, intipati penghujahan peguam perayu di hadapan kami bagi menyokong pembelaan perayu di bawah s. 85(2)(b) adalah seperti berikut. Keterangan SP5 bahawa perayu dalam keadaan agresif dan berada dalam keadaan berbogel sebelum ditangkap. Keterangan SP9 bahawa antara barang kes yang dijumpai di dalam bilik tersebut adalah alat untuk hisap dadah syabu. Keterangan SP11 yang menyatakan bahawa keadaan perayu seperti "dalam keadaan tidak normal" dan dalam keadaan agresif dan tidak terkawal. Keterangan SP12 yang menyatakan bahawa perayu ada dibawa untuk berjumpa dengan seorang doktor pakar jiwa tetapi tiada laporan disediakan. Peguam juga telah menimbulkan kegagalan SP12 untuk merujuk perayu kepada seorang pakar bagi kali kedua bagi menentukan masalah mental perayu dan kewujudan pengaruh dadah yang tinggi. Menurut peguam perayu, perayu telah kehilangan pembelaan yang terbuka kepadanya pada masa dia berada di bawah tahanan polis.

[27] Kami bersetuju bahawa keterangan berkaitan tingkah laku perayu selepas kesalahan dilakukan adalah relevan dalam menentukan keadaan mental perayu ketika melakukan kesalahan tersebut (sila lihat *John Nyumbei v. PP* [2007] 2 CLJ 509).

[28] Kami juga bersetuju dengan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Emperor v. U Damapala* yang dirujuk oleh peguam perayu, di mana di ms. 529 dinyatakan seperti berikut:

> The conclusion, therefore, is that if the Court either is satisfied from the examination of the accused and the evidence adduced by him, or from circumstances appearing from the prosecution evidence, that the existence of circumstances bringing the case within the exception or exceptions pleaded has been proved, or upon a review of all the evidence is left in reasonable doubt whether such circumstances do exist or not, the accused, in the case of a general exception, is entitled to be acquitted, or, in the case of a special exception, can be convicted only of the minor offence. I agree that the answer to the first question shall be in the negative.

[29] Berpandukan prinsip-prinsip di atas, kami telah meneliti dan memperhalusi semua keterangan yang terkandung dalam rekod rayuan. Dalam penghakiman kami, jikapun perayu berkeadaan mabuk pada waktu material, keadaan mabuknya itu tidaklah sampai menyebabkan perayu tidak tahu apa yang dibuatnya. Perkara penting yang perlu ditekankan adalah perayu sendiri dalam keterangannya tidak menyatakan bahawa dia pada masa yang material tidak tahu sepenuhnya apa yang dibuatnya. Sebaliknya di peringkat pemeriksaan-utama, sewaktu disoal oleh peguamnya, perayu menyatakan "saya tidak ada niat untuk bunuh mangsa". Ini memberi gambaran bahawa tertuduh sedar akan perbuatannya tetapi perbuatannya itu bukan dengan niat untuk membunuh.

[30] Pada hemat kami, fakta-fakta berikut adalah relevan dalam menentukan keadaan minda perayu pada masa yang material:

(a) Apabila SP2 mengetuk pintu perayu telah memberi respon "Jangan ganggu";

(b) Apabila SP3 cuba membuka pintu, perayu juga mengugut untuk memukul;

(c) Apabila SP5 menyuruh membuka, perayu mengugut untuk membunuh perempuan Cina;

(d) Si mati diikat oleh perayu;

(e) Perayu menolak katil dan perabot ke pintu untuk mengelak dari pintu dapat dibuka dari luar.

A (f) Perayu semasa memberi keterangan secara bersumpah telah menyatakan tentang punca berlakunya pergaduhan di antara beliau dengan si mati.

[31] Melihat kesemua fakta ini secara keseluruhan, kami
B berpendapat keadaan minda perayu menunjukkan bahawa perayu sedar apa yang dia lakukan ke atas si mati. Walaupun jika benar perayu telah minum arak dan menghisap dadah syabu sebelum melakukan jenayah ke atas si mati, kami berpendapat adalah tidak mungkin perayu dalam keadaan mabuk sehingga tahap niatnya
C untuk melakukan jenayah tersebut menyusut. Oleh yang demikian, ini mesti bermakna bahawa perayu memang sedar apa yang dia telah lakukan ke atas si mati pada masa yang material. Perayu merupakan orang yang waras fikirannya pada masa yang material.

D **[32]** Dalam penghakimannya tentang isu sama ada perayu telah berjaya menimbulkan pembelaan di bawah s. 85(2) KK, yang arif hakim bicara telah menolak pembelaan tersebut dengan memberi alasan yang berikut:

> E Mahkamah tidak mempercayai yang tertuduh berada di bawah pengaruh dadah dan arak yang begitu kuat sehingga tidak mempunyai niat dan menyedari apa yang berlaku dan bagaimana si mati boleh mendapat kecederaan dan kematian. Jika tertuduh di bawah pengaruh dadah dan mabuk yang kuat bagaimana beliau dapat mengikat si mati dengan begitu baik ikatannya. Orang yang
> F di bawah pengaruh dadah yang sanggup membunuh tanpa ingatan sepatutnya tidak boleh membuat ikatan dengan begitu baik sepertimana dilihat dalam gambar mayat si mati diikat malah sempat pula menolak katil dan perabot di dalam bilik ke pintu untuk mengelak dari pintu dapat dibuka dari luar.

G **[33]** Setelah meneliti semua keterangan yang ada, kami bersetuju dengan keputusan yang arif hakim bicara bahawa perayu telah gagal dalam pembelaannya di bawah s. 85 KK. Kami mengesahkan keputusan yang arif hakim bicara bahawa pembelaan mabuk dan gila di bawah s. 85(2) tidak disokong oleh keterangan dalam kes
H ini adalah betul. Perayu mempunyai beban membuktikan pembelaan sedemikian. Perayu telah gagal untuk berbuat demikian. Dalam keadaan yang sedemikian, aduan peguam bahawa yang arif hakim bicara gagal mengarahkan diri kepada keterangan bahawa pembelaan di bawah s. 85(2) KK terpakai untuk perayu tidak
I mempunyai merit. Kami mendapati yang arif hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul mengenai pemakaian s. 85(2) KK.

[34] Dalam hubungan ini, kami juga telah meneliti keterangan SP10. Dari keterangan SP10 adalah jelas membuktikan bahawa kecederaan yang ditemui pada si mati adalah diakibatkan dengan sengaja dan mencukupi dalam keadaan yang biasa mengakibatkan kematian mangsa. Keterangan SP10 menunjukkan kecederaan pada si mati dilakukan secara berulangan dan bertubi-tubi yang kebanyakkannya dari benda tumpul atau dengan kaki atau tangan. Mengenai perkara ini, yang arif hakim bicara telah menyatakan seperti berikut:

> Kecederaan yang diterangkan oleh SP10 ini memberi gambaran lebih jelas bahawa orang yang mendatangkan kecederaan kepada si mati mempunyai niat untuk mematikannya. Serangan ke atas si mati bukan pada satu bahagian badan tetapi di serata bahagian dengan bertubi-tubi. Mahkamah membayangkan masa yang diambil untuk mencederakan si mati oleh tertuduh adalah satu jangka masa yang bukannya beberapa saat tetapi melebihi 5 minit dan sudah tentu dalam tempoh tersebut sebagai manusia biasa akan menyedari bahawa perbuatannya itu mematahkan tulang rusuk, menumbuk muka, kepala dan bahagian-bahagian lain sudah tentu untuk mematikan mangsanya.

[35] Berdasarkan keterangan SP10, kami bersetuju dengan dapatan yang arif hakim bicara tentang hal ini. Kami berpendapat, keadaan mental yang waras tidak mungkin hilang apabila perayu menyebabkan kecederaan dengan sedemikian rupa ke atas si mati sehingga si mati meninggal dunia.

[36] Akhir sekali, kami ingin menyentuh di sini mengenai aduan peguam bahawa perayu telah kehilangan pembelaan yang terbuka kepadanya pada masa dia berada di bawah tahanan polis. Kami mendapati aduan ini adalah tanpa merit. Ini adalah kerana laporan toxicology tidak dapat dibuat ke atas perayu kerana dia sendiri enggan memberi spesimen darahnya untuk tujuan ujian yang berkenaan (sila lihat keterangan SP12 di ms. 85 rekod rayuan).

[37] Kami telah menimbangkan dan memperhalusi dengan teliti segala keterangan yang terkandung di dalam rekod rayuan, penghakiman yang arif hakim bicara serta juga semua isu yang dikemukakan oleh peguam perayu dalam rayuan ini. Kami mendapati bahawa yang arif hakim bicara telah mempertimbangkan segala pembelaan perayu dengan secukupnya. Pihak perayu tidak dapat menunjukkan yang arif hakim bicara telah melakukan kesilapan atau salah arah dari segi fakta atau dalam undang-undang.

A **[38]** Berdasarkan kepada semua alasan yang telah kami huraikan sebentar tadi, kami memutuskan dengan sebulat suara bahawa keputusan yang dibuat oleh yang arif hakim bicara adalah betul dan kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman mati terhadap perayu adalah selamat. Menjadi keputusan kami bahawa sebarang
B keputusan yang lain adalah bertentangan dengan perimbangan keterangan. Tiada keraguan munasabah wujud mengenai kebersalahan perayu dalam kes ini. Perayu sewaktu melakukan pembunuhan ini sedar dan tahu apa yang dia lakukan ke atas si mati. Pada keseluruhannya, pihak pendakwaan telah berjaya
C membuktikan melampaui batasan keraguan yang munasabah di atas pertuduhan pindaan terhadap perayu.

[39] Dengan yang demikian, kami menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap perayu.

D

E

F

G

H

I